

19 JUN 2001

MENTERI AFGHANISTAN TEMUI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 19 Jun (Bernama) -- Pemangku Menteri Luar Afghanistan Dr A.Abdullah yang sedang melawat negara ini, hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Pada pertemuan selama 30 minit itu, Dr Abdullah diiringi oleh Kuasausaha Afganistan di Kuala Lumpur Abdul Sattar Murad, Setiausaha Pertama Abdul Qayoum Qarimi dan Kuasausaha Afghanistan di Beijing Abdul Basir Hotak.

Menurut seorang pegawai pejabat Perdana Menteri, perbincangan Dr Mahathir dengan Dr Abdullah menyentuh pelbagai perkara termasuk isu semasa di Afghanistan.

Dr Abdullah tiba Ahad lepas untuk lawatan tiga hari ke Malaysia.

-- BERNAMA

HS NHA NMO